

## **MURTAD: ANTARA HAK KEBEBASAN BERAGAMA DAN KESALAHAN JENAYAH SYARIAH DI MALAYSIA**

**Mohd Sabree Nasri**  
Kolej Universiti Islam Melaka

**Mohd Sopiiee Shiddeq**  
Universiti Kebangsaan Malaysia

### **ABSTRAK**

Sejarah telah membuktikan bahawa Malaysia adalah sebuah negara Islam sejak kurun ke-12 lagi. Malah kedudukan Islam sebagai agama utama Persekutuan turut dinyatakan melalui Perlembagaan Persekutuan yang menjadi undang-undang tertinggi negara. Namun kedudukan tersebut terjejas dengan isu murtad di Malaysia dengan alasan Hak Kebebasan Beragama. Tidak terdapat peruntukkan undang-undang yang jelas dan ketidakseragaman undang-undang mengenai kesalahan berkaitan murtad turut menambah derita bagi isu murtad di Malaysia. Justeru, penulisan ini bertujuan untuk mengulas mengenai isu murtad di Malaysia secara ringkas dan kemudian memberikan cadangan mekanisme ke arah penyeragaman undang-undang murtad di Malaysia.

**Kata kunci:** *Murtad, kebebasan beragama, Perlembagaan Persekutuan, cadangan penyeragaman*

## **APOSTASY: BETWEEN FREEDOM OF RELIGION AND SHARIAH CRIMINAL OFFENSE IN MALAYSIA**

### **ABSTRACT**

History has shown that Malaysia is an Islamic state since the 12th century. The position of Islam as the main religion of the federation also stated by the federal constitution which is the supreme law of the country. But the position is affected by the issue of apostasy in Malaysia by reason of religious freedom. There is no properly legal provision and inconsistencies of law against apostasy and lead to problem of the issue of apostasy in Malaysia. Therefore the main focus of this study to analyze the issue of apostasy in Malaysia briefly and then provide recommendations to the standardization mechanisms of apostasy in Malaysia

**Keywords:** Apostasy, religious freedom, federal constitution, recommendation to the standardization

### **PENDAHULUAN**

Murtad bukan suatu perkara baru terjadi di negara Malaysia. Walaupun perbincangan mengenai murtad dilihat dilakukan secara bermusim di negara ini namun hakikatnya murtad tetap berlaku di Malaysia tanpa memilih musim tertentu. Kes murtad tidak boleh dipandang remeh walaupun mungkin sebahagiannya hanya dianggap sebagai kes yang terpencil kerana ia umpama barah yang kian menular dalam akidah masyarakat Islam. Terdapat banyak kemunculan lambakan pandangan para ahli akademik terutama melalui artikel mengenai isu murtad namun seakan tidak mampu menutupi permintaan murtad di Malaysia. Di dalam artikel ini, penulis akan membincangkan secara ringkas mengenai isu murtad di Malaysia di antara tuntutan hak kebebasan beragama dan kesalahan jenayah Islam. Seterusnya mengulas mengenai ketidakseragaman undang-undang berkaitan murtad di Malaysia yang akhirnya mencetuskan pertikaian hukuman terhadap pesalah murtad yang berbeza mengikut negeri di Malaysia. Kemudian penulis akan cuba mencadangkan mekanisme yang perlu digunakan untuk menyeragamkan undang-undang murtad di Malaysia.

### **KEDUDUKAN AGAMA ISLAM MENURUT PERSPEKTIF PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN**

Sebelum mengulas mengenai kedudukan jenayah murtad di Malaysia. Terlebih dahulu perlu kita fahami kedudukan agama Islam itu sendiri di Malaysia. Pemerintahan di Malaysia mengamalkan konsep demokrasi raja berperlembagaan

dengan menjadikan Perlembagaan Persekutuan sebagai undang-undang tertinggi negara. Berdasarkan Perkara 3 (1) Perlembagaan Persekutuan mengiktiraf kedudukan agama Islam sebagai agama Persekutuan<sup>1</sup>: Islam ialah agama bagi Persekutuan; tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana Bahagian Persekutuan.

Manakala penganut agama selain Islam di Malaysia diberi kebebasan untuk mengamalkan anutan agama masing-masing sesuai dengan Perkara 11(1) Perlembagaan Persekutuan iaitu<sup>2</sup>:

- (1) Tiap-tiap orang berhak menganuti dan mengamalkan agamanya dan, tertakluk kepada Fasal (4), mengembangkannya.

Namun kebebasan agama selain Islam di Malaysia adalah bersifat tidak mutlak iaitu tertakluk kepada penyebaran agama tersebut berdasarkan Perkara 11 (4) Perlembagaan Persekutuan<sup>3</sup>:

- (4) Undang-undang Negeri dan berkenaan dengan Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, undang-undang persekutuan boleh mengawal atau menyekat pengembangan apa-apa doktrin atau kepercayaan agama di kalangan orang yang menganuti agama Islam.

Hal tersebut menunjukkan bahawa status agama Islam sebagai agama utama berbanding agama lain di Malaysia dan status keutamaan agama Islam tersebut sewajarnya tidak boleh dipertikaikan lagi<sup>4</sup>. Namun terdapat pentafsiran yang kurang tepat dikemukakan mengenai Perkara 3 (1) Perlembagaan Persekutuan oleh Tun Salleh Abbas melalui kes *Che Omar Bin Che Soh lwn. Pendakwa Raya* iaitu<sup>5</sup>:

*... the religion of Islam in the context of article 3 means only such acts as relate to and ceremonies.*

Pentafsiran Perkara 3 (1) oleh Tun Salleh Abbas tersebut kemudiannya dijadikan hujah oleh para peguam untuk menolak kedudukan utama agama Islam dalam Perlembagaan Malaysia. Peguam dalam kes *Lina Joy lwn. Majlis Agama Persekutuan & 2 yang lain*<sup>6</sup> contohnya telah menggunakan tafsiran tersebut

---

<sup>1</sup> Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan

<sup>2</sup> Perkara 11 (1) Perlembagaan Persekutuan

<sup>3</sup> Perkara 11 (4) Perlembagaan Persekutuan

<sup>4</sup> Helwa, Jasri, 2013, *Kedudukan Murtad dan Penyebaran agama bukan Islam menurut perspektif undang-undang di Malaysia: Satu Analisa Isu dan Cabaran*

<sup>5</sup> (1988) 2 MLJ 55

<sup>6</sup> (2004) 2 MLJ 119

sebagai hujah untuk menolak keistimewaan kedudukan agama Islam dalam Perlembagaan Malaysia dan menggunakan konsep “sama rata” antara penduduk Malaysia seperti yang telah dijamin oleh Perkara 8 (1) Perlembagaan Persekutuan iaitu<sup>7</sup>:

- (1) Semua orang adalah sama rata di sisi undang-undang dan berhak mendapat perlindungan yang sama rata di sisi undang-undang.

Apa yang menarik mengenai kes tersebut bahawa hujah peguam tersebut sebenarnya bertentangan dengan Perkara 8 (5) (a) Perlembagaan Persekutuan iaitu<sup>8</sup>:

- (5) Perkara ini tidak menidaksahkan atau melarang
  - (a) apa-apa peruntukan yang mengawal selia undang-undang diri;

Apabila Perkara 8 (1) dibaca bersama Perkara 8 (5) (a) maka dapat dijelaskan maksud “sama rata” yang diperuntukkan oleh Perkara 8 (1) Perlembagaan Persekutuan adalah berkenaan hak untuk mendapatkan perlindungan keselamatan tanpa mengira agama dan kaum tetapi tertaluk kepada undang-undang diri termasuklah undang-undang Islam yang telah diberi kuasa oleh Perlembagaan Persekutuan kepada kerajaan negeri di Malaysia melalui Senarai Negeri (Senarai II). Jadual Ke-9, Perlembagaan Persekutuan.

Melalui kes kes *Lina Joy lwn. Majlis Agama Persekutuan & 2 yang lain*, Hakim Faiza Thamby Chik telah membuat penilaian yang bernas demi menyelamatkan kedudukan Islam sebagai agama Utama Perlembagaan Persekutuan dengan menggunakan prinsip *rule of harmonious construction* iaitu pentafsiran harmoni terhadap peruntukan “sama rata” melalui Perkara 8 (1) Perlembagaan Persekutuan.

Sewajarnya kedudukan Islam sebagai agama utama berdasarkan Perlembagaan Persekutuan turut perlu ditafsirkan berdasarkan sejarah negara Malaysia itu sendiri iaitu agama Islam yang telah menjadi agama anutan rasmi negara sejak kurun ke-12 di negara ini. Hal tersebut turut terbukti dengan kewujudan Perkara 11 (4) Perlembagaan Persekutuan yang bertujuan memelihara keutamaan agama Islam khususnya terhadap umat Islam di Malaysia itu sendiri. Justeru, Perkara 3 (1) Perlembagaan Persekutuan perlu ditafsirkan kepada keutamaan agama Islam berbanding agama lain di Persekutuan dan bukanlah tertumpu kepada penerapan agama Islam dalam upacara serta majlis-majlis rasmi semata-mata.

---

<sup>7</sup> Perkara 8 (1) Perlembagaan Persekutuan

<sup>8</sup> Perkara 8 (5) (a) Perlembagaan Persekutuan

## **PERUNTUKAN KESALAHAN BERKAITAN MURTAD MENGIKUT ENAKMEN NEGERI-NEGERI**

Majoriti ulama Islam berpendapat bahawa hukuman bagi kesalahan murtad adalah hukum bunuh selepas tidak bertaubat dalam tempoh tertentu yang diberikan. Para ulama berbeza pendapat mengenai tempoh lama bertaubat yang diberikan kepada seorang murtad kembali kepada Islam namun tempoh minimum yang disepakati adalah tempoh tiga hari. Apabila diteliti daripada segi hukuman murtad mengikut piawaian syariah Islam maka dapat disimpulkan bahawa tidak terdapat hukuman kesalahan murtad yang jelas mengikut undang-undang di Malaysia. Hal tersebut kerana undang-undang jenayah Islam adalah dibawah bidangkuasa mahkamah syariah di negeri-negeri yang hanya boleh dikuatkuasakan kepada orang Islam sahaja dengan hukuman maksima yang terhad iaitu hanya tiga tahun penjara, atau enam kali sebatan, atau denda RM 5000, atau kombinasi daripada mana-mana hukuman tersebut. Malah penggunaan istilah murtad turut tidak digunakan pada Enakmen Jenayah Syariah Negeri tetapi dengan menguna pakai istilah yang berkaitan dengan kesalahan tersebut contohnya kesalahan “percubaan murtad” kecuali negeri Kelantan dan Terengganu yang cuba menguna pakai istilah *hudud*, *qisas* dan *ta'zir* suatu masa dahulu.

Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995 Negeri Sabah contohnya telah memperuntukkan kesalahan berkaitan murtad dengan istilah “percubaan murtad” seperti yang dicatatkan di dalam seksyen 63 enakmen kesalahan jenayah syariah negeri tersebut<sup>9</sup>:

- (1) Apabila seseorang Islam dengan sengaja, sama ada dengan perbuatan atau perkataan atau dengan cara apa jua pun, mengaku hendak keluar dari agama Islam atau mengisytiharkan dirinya sebagai orang yang bukan Islam, Mahkamah hendaklah, jika berpuashati bahawa seseorang itu telah cuba menukarkan iktikad dan kepercayaan agama Islam sama ada dengan pengakuan atau perbuatannya sendiri, memerintahkan orang itu supaya ditahan di Pusat Bimbingan Islam untuk tempoh tidak melebihi tiga puluh enam bulan dengan tujuan pendidikan dan orang itu diminta bertaubat mengikut Hukum Syarak.

Sekiranya pesalah tersebut telah bertaubat, maka taubatnya perlu disahkan oleh Mahkamah Syariah dan sekiranya pesalah tersebut bertaubat semasa dalam tempoh tahanan, maka Pegawai Penjaga hendaklah melaporkan kepada mahkamah syariah dan taubatnya itu turut perlu disahkan oleh Mahkamah Syariah. Istilah kesalahan

---

<sup>9</sup> Seksyen 63 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995 Negeri Sabah

“percubaan murtad” turut terdapat pada Enakmen Jenayah Syariah Negeri seperti Pahang, Melaka, Perak dan Terengganu.

Melaka turut menggunakan istilah “percubaan murtad” dalam enakmennya tetapi berbeza sedikit hukuman yang dikenakan kesalahan percubaan murtad di negeri Sabah iaitu Mahkamah Syariah Melaka akan memerintahkan orang tersebut supaya ditahan di Pusat Bimbingan Islam dalam tempoh tidak melebihi enam bulan berdasarkan seksyen 66 Enakmen Kesalahan Syariah Negeri Melaka 1991. Manakala Selangor pula menggunakan istilah “mendakwa bukan Islam” dan jika sabit kesalahan, pesalah akan didenda tidak melebihi RM 5,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun berdasarkan seksyen 12 Enakmen Jenayah Syariah Negeri Selangor 1992.

Hanya negeri Kelantan dan Terengganu yang pernah mencuba untuk memperuntukkan undang-undang dan hukuman murtad secara khusus contohnya Enakmen Undang-Undang Kanun Jenayah Syariah II (Kelantan) 1993 yang mengguna pakai istilah *irtidad* bagi kesalahan murtad dan memperuntukkan hukuman kepada pesalah yang telah sabit dengan kesalahan jenayah tersebut sebelum dijatuhkan hukuman agar bertaubat dalam tempoh tidak kurang daripada tiga hari dan sekiranya masih enggan bertaubat, maka mahkamah syariah Kelantan boleh memenjarakannya selama 5 tahun dan sekiranya turut tidak bertaubat dalam tempoh tersebut maka boleh diisytiharkan hukum bunuh kepada pesalah tersebut. Namun enakmen tersebut tidak dapat dilaksanakan atas faktor tertentu.

Jika diteliti enakmen-enakmen tersebut sama ada memperuntukkan kesalahan murtad secara khusus atau tidak. Sebenarnya penggunaan istilah “murtad” itu tidak dapat digunapakai disebabkan peruntukan kuasa mahkamah syariah yang terhad dan tidak boleh disabitkan dengan hukuman murtad sebagai mana yang di sepakati oleh para ulama. Sekiranya disabitkan dengan istilah “murtad” dan hukuman bunuh dihukum kepada pesalah murtad maka hukuman tersebut dianggap telah melampaui batas bidang kuasa yang diperuntukkan kepada mahkamah syariah. Selain itu, hukuman mati bagi pesalah murtad di dalam Islam turut masih menjadi subjek pertikaian para ulama Islam. Contoh-contoh enakmen tersebut membuktikan bahawa terdapat perbezaan hukuman yang dikenakan kepada pesalah kesalahan jenayah syariah tersebut sekiranya telah sabit kesalahan dan kesemua hukuman tersebut adalah mengikut kuasa yang diperuntukkan kepada Mahkamah Syariah oleh Perlembagaan Persekutuan. Kewujudan ketidakjelasan malah ketidakseragaman malah turut terdapat negeri yang tidak terdapat undang-undang berkaitan murtad Malaysia telah memberikan ruang kepada pihak-pihak untuk memohon murtad dengan mengambil kesempatan ke atas hal tersebut. Hal tersebut sangat mendukacitakan semua pihak.

## **PROSEDUR PERISYTIHARAN STATUS AGAMA MENURUT ENAKMEN NEGERI-NEGERI**

Prosedur permohonan perisytiharan status agama yang dipohon di Mahkamah Syariah dikategorikan sebagai kes mal. Oleh itu, prosedur yang terpakai terhadap permohonan tersebut adalah tertakluk kepada Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah dan Enakmen Pentadbiran Ugama Islam Negeri. Namun turut perlu dijelaskan bahawa enakmen tersebut adalah berbeza mengikut pentadbiran negeri masing-masing. Perbezaan enakmen mengikut negeri masing-masing telah menyebabkan ketidakseragaman prosedur permohonan perisytiharan status agama di Malaysia. Sekiranya diteliti perbezaan prosedur mengikut negeri, dapat disimpulkan bahawa terdapat tiga prosedur yang berlainan. Contohnya, prosedur perisytiharan status agama mengikut enakmen Negeri Sembilan adalah dengan menggunakan proses permohonan. Manakala Wilayah Persekutuan menggunakan proses saman dan Melaka menggunakan kedua-dua prosedur permohonan dan saman. Lazimnya prosedur perisytiharan status agama dimulakan dalam bentuk permohonan tetapi terdapat mahkamah syariah yang memerintahkan sesetengah kes dimulakan dalam bentuk saman bagi memudahkan prosedur untuk memanggil pihak Majlis Agama Islam, Jabatan Agama Islam Negeri atau Jabatan Pendaftaran Negara yang kebiasaannya bertindak sebagai defendan untuk memberi keterangan kepada Mahkamah Syariah.

Bagi negeri yang menggunakan prosedur permohonan perisytiharan status agama melalui permohonan contohnya Negeri sembilan. Prosedur mengenai permohonan tersebut dinyatakan mengikut seksyen 119 Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri sembilan 2003 iaitu<sup>10</sup>:

- (1) Seseorang Islam tidak boleh keluar daripada Agama Islam atau disifatkan telah meninggalkan Agama Islam sebagai agamanya melainkan jika dan sehingga dia telah memperoleh suatu perisytiharan bagi maksud itu daripada Mahkamah Tinggi Syariah.
- (2) Suatu permohonan bagi perisytiharan di bawah subseksyen (1) hendaklah dibuat secara *ex parte* kepada Hakim Mahkamah Tinggi Syariah dalam mahkamah terbuka oleh orang yang berhasrat untuk meninggalkan Agama Islam sebagai agamanya.
- (3) Suatu permohonan di bawah subseksyen (2) hendaklah menyatakan alasan-alasan yang berdasarkannya pemohon berhasrat untuk meninggalkan Agama Islam sebagai agamanya dan hendaklah disokong

---

<sup>10</sup> seksyen 119 Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri sembilan 2003.

oleh suatu affidavit yang menyatakan semua fakta yang menyokong alasan permohonan itu.

- (4) Setelah diterima permohonan di bawah subseksyen (2), Hakim Mahkamah Tinggi Syariah yang mendengar permohonan tersebut hendaklah:
  - (a) menasihati orang itu supaya bertaubat, dan jika Hakim berpuas hati orang itu telah bertaubat mengikut Hukum Syarak, hendak merekodkan taubat orang itu; atau
  - (b) jika orang itu enggan bertaubat, sebelum membuat apa-apa perintah terhadap orang itu, menangguhkan pendengaran permohonan itu untuk tempoh 90 hari dan pada masa yang sama menghendaki pemohon untuk menjalani sesi runding cara dan bimbingan bagi maksud menasihati pemohon untuk menimbang semula Agama Islam sebagai agamanya.
- (5) Jika pada bila-bila masa orang yang dikehendaki menjalani sesi runding cara dan bimbingan itu telah bertaubat, pegawai yang bertanggungjawab terhadapnya hendaklah menyediakan suatu laporan dengan secepat mungkin dan membawa orang itu ke hadapan Mahkamah Tinggi Syariah.
- (6) Jika Hakim berpuas hati bahawa orang yang dikemukakan di hadapannya mengikut subseksyen (5) telah bertaubat mengikut Hukum Syarak, Hakim itu hendaklah merekodkan taubat orang itu.
- (7) Jika setelah habis tempoh 90 hari yang disebut dalam perenggan (4)(b), orang itu masih enggan bertaubat, maka pegawai yang bertanggungjawab terhadapnya hendaklah menyediakan suatu laporan dengan secepat mungkin dan membawa orang itu ke hadapan Mahkamah Tinggi Syariah.
- (8) Jika setelah diterima laporan yang disebut dalam subseksyen (7), Mahkamah berpendapat bahawa harapan masih ada untuk orang itu bertaubat, maka Mahkamah boleh menangguhkan pendengaran permohonan orang itu di bawah subseksyen (2) dan pada masa yang sama memerintahkan orang itu supaya menjalani sesi runding cara dan bimbingan yang selanjutnya selama tempoh yang tidak melebihi satu tahun.



- (9) Jika selepas perintah di bawah subseksyen (8) dibuat, orang itu bertaubat, maka subseksyen (5) dan (6) terpakai.
- (10) Jika setelah habis tempoh yang diperintahkan di bawah subseksyen (8) dan orang itu masih enggan bertaubat, pegawai yang bertanggungjawab terhadapnya hendaklah menyediakan suatu laporan dan membawa orang itu ke hadapan Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah boleh membuat keputusan untuk mengisytiharkan bahawa orang itu meninggalkan Agama Islam sebagai agamanya.
- (11) Sebelum Mahkamah mengisytiharkan bahawa orang itu telah meninggalkan Agama Islam sebagai agamanya, Mahkamah hendaklah membuat perintah mengenai perkara yang berikut:
- (a) pembubaran perkahwinan;
  - (b) pembahagian harta sepencarian;
  - (c) hak perwalian;
  - (d) hak pusaka; dan
  - (e) *hadhanah*.

Manakala negeri yang memulakan prosedur permohonan perisytiharan status agama melalui saman seperti Wilayah Persekutuan ialah dengan sesuatu saman hendaklah diisikan dalam Borang MS 2<sup>11</sup> yang mengkehendaki defendan menjawab suatu tuntutan tukar agama di Mahkamah. Sekiranya defendan gagal hadir pada hari dan masa yang ditetapkan, Mahkamah boleh terus mendengar dan memutuskan tanpa kehadiran defendan. Defendan juga diminta untuk memfailkan di Mahkamah dan menyampaikan kepada plaintif suatu pembelaan sebelum kehadiran di Mahkamah. Saman tersebut hendaklah disertakan dengan suatu pernyataan tuntutan yang ditandatangani oleh plaintif atau Peguam Syariyenya dan hendaklah mengandungi pernyataan yang ringkas dan padat, dalam perenggan-perenggan yang bernombor, tentang fakta-fakta yang dijadikan sandaran oleh plaintif, butiran tuntutan yang mencukupi dan di dalam kes ini, pernyataan tentang apa yang dituntut.

Sesuatu permohonan pula hendaklah dibuat melalui notis dalam Borang MS3<sup>12</sup> dan disokong dengan affidavit yang diangkat sumpah. Borang MS3 mengarahkan pihak responden untuk hadir ke mahkamah untuk mendapatkan perintah tukar agama pada tarikh dan masa yang tertentu. Pemohon hendaklah melampirkan alasan-alasan yang konkrit yang menyokong hujahnya untuk menukar agama. Affidavit hendaklah mengikut bentuk affidavit seperti di dalam borang MS26<sup>13</sup>

---

<sup>11</sup> Seksyen 63, Tatacara Mal Mahkamah Syariah Negeri Selangor 2003

<sup>12</sup> Tatacara Mal Mahkamah Syariah Negeri Selangor 2003

<sup>13</sup> Tatacara Mal Mahkamah Syariah Negeri Selangor 2003

yang menghendaki pemohon mengisi butiran lengkap peribadi dan alasan-alasan yang hendak dideposkan. Afidavit tersebut hendaklah diangkat sumpah sama ada di hadapan mana-mana Hakim Syarie atau Pendaftar atau mana-mana pegawai Islam Kedutaan Malaysia atau Konsulat atau Misi Tetap tempat itu sekiranya diluar negara untuk menentukan kesahihannya di mahkamah. Apa-apa dokumen yang hendak digunakan berhubungan dengan sesuatu affidavit seperti salinan kad pengenalan diri sendiri atau ibu bapa, kad memeluk agama Islam, salinan surat beranak, atau sijil pembaptisan hendaklah dilampirkan pada affidavit tersebut sebagai ekshibit<sup>14</sup> yang mempunyai perakuan dan diangkat sumpah dalam Borang MS27<sup>15</sup>. Sekiranya mana-mana pihak ingin mengambil khidmat Peguam Syarie, mereka boleh dilantik dengan memfailkan satu wakalah dalam Borang MS 5<sup>16</sup>.

*Kes Wong Chun Chiak @ Kenny Abdullah lwn. Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan.* plaintif dalam kes tersebut iaitu Kenny adalah seorang saudara baru yang telah membuat permohonan keluar agama Islam kerana ingin berkahwin dengan orang bukan Islam dan kembali kepada agama asalnya iaitu Kristian Roman Katolik. Dalam kes tersebut, Hakim Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan, Husin Ahmad telah mengenyepikan permohonan keluar agama beliau dan memutuskan bahawa permohonan keluar agama dalam bentuk notis permohonan oleh plaintif adalah menyalahi prosedur mahkamah. Hal tersebut kerana mahkamah telah menetapkan bahawa prosedur permohonan keluar agama adalah melalui proses saman dan pernyataan tuntutan seperti yang dinyatakan dalam seksyen 7 Akta Tatacara Mal Wilayah Persekutuan.

Manakala prosedur permohonan penukaran nama dan status agama di Jabatan Pendaftaran Negara ialah melalui peruntukan Peraturan 14 Peraturan Pendaftaran Negara 1990 adalah lebih ringkas dan mudah dengan mempertimbangkan permohonan tersebut setelah mendapat kelulusan perintah perisytiharan status agama daripada Mahkamah Syariah. Permohonan penukaran nama kepada nama bukan Islam di Jabatan Pendaftaran Negara boleh dilakukan dengan pemohon mengisi borang JPN 5/1 iaitu Borang Laporan Untuk Penukaran nama dalam kad pengenalan dan mengisi borang JPN KP01 untuk pemohon menyatakan agamanya dengan menyertakan perintah perisytiharan pertukaran agama daripada Mahkamah Syariah. Sekiranya borang tersebut tidak lengkap bersama lampiran, maka pihak Jabatan Pendaftaran Negara mempunyai budi bicara untuk menolak permohonan tersebut seperti yang berlaku dalam kes *Lina joy lwn. Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan & ORS*<sup>17</sup> iaitu permohonan penukaran agama dalam kad pengenalan plaintif telah ditolak kerana gagal menyertakan perintah perisytiharan status agama dari Mahkamah Syariah.

Kesimpulannya, prosedur permohonan perisytiharan status agama mengikut akta negeri-negeri di Malaysia hanya melibatkan dua institusi iaitu Mahkamah

---

<sup>14</sup> Seksyen 114, Tatacara Mal Mahkamah Syariah Negeri Selangor 2003

<sup>15</sup> Tatacara Mal Mahkamah Syariah Negeri Selangor 2003

<sup>16</sup> Tatacara Mal Mahkamah Syariah Negeri Selangor 2003.

<sup>17</sup> (2005) 6 MLJ 193

Syariah dan Jabatan Pendaftaran Negara. Pemohon hendaklah mendapatkan perintah status perisytiharan agama dari Mahkamah Syariah sebelum meneruskan prosedur permohonan di Jabatan Pendaftaran Negara. Prosedur permohonan perisytiharan status agama di Mahkamah Syariah adalah tidak seragam dan berbeza-beza mengikut negeri. Namun kuasa untuk menentukan status agama adalah di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah.

## **KONFLIK MURTAD: ANTARA HAK KEBEBASAN BERAGAMA DAN KESALAHAN JENAYAH SYARIAH DI MALAYSIA**

Murtad di Malaysia seringkali dikaitkan antara jenayah syariah atau hak kebebasan beragama yang dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan. Persoalan mengenai murtad sama ada ia adalah hak kebebasan beragama amat sukar untuk ditafsirkan di Malaysia sekiranya mengikut keputusan penghakiman yang dibuat di mahkamah. Hal tersebut kerana Kebanyakan kes murtad lebih banyak dibicarakan di mahkamah sivil berbanding mahkamah syariah di Malaysia. Malah keputusan mahkamah yang tidak konsisten dengan membuat keputusan berbeza-beza mengenai isu murtad berdasarkan konteks Perlembagaan Persekutuan telah mengelirukan masyarakat. Terdapat keputusan penghakiman yang mengiktiraf hak kebebasan beragama dan ada juga yang menolak kebebasan tersebut.

Pihak yang ingin murtad di Malaysia seringkali menggunakan hujah hak-hak asasi manusia yang diiktiraf oleh dunia dalam UDHR 1948 dan Perkara 11, Perlembagaan Persekutuan sebagai alasan utama untuk murtad<sup>18</sup>. Manifestasi hak asasi manusia termasuklah hak kebebasan beragama yang diluluskan oleh Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu, PBB pada 1948 telah menjadi isu perdebatan terutama dalam kalangan negara Islam. Malah Perisytiharan Sejagat Hak-hak Asasi Manusia Menurut Islam yang diisytiharkan oleh Pertubuhan negara Islam (*Organisation of Islamic-OIC*) adalah salah satu contoh yang menunjukkan bahawa negara-negara Islam amat mementingkan hak asasi manusia sebagai agenda penting termasuklah hak kebebasan beragama.

Hak kebebasan beragama oleh UDHR 1948 mendapat sokongan daripada seluruh dunia tetapi Malaysia mengambil sikap berkecuali ke atas hak tersebut. walaupun turut terdapat hak kebebasan beragama yang dijamin oleh Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan namun ia tidak bersifat mutlak<sup>19</sup>. Pihak yang membuat permintaan untuk murtad di Malaysia atas nama hak kebebasan beragama di Malaysia menurut Perkara 11 tersebut sewajarnya memahami dengan mendalam skema Perlembagaan Persekutuan terlebih dahulu terutama terhadap maksud ruang lingkup hak kebebasan beragama yang dijamin oleh Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan iaitu lebih terarah kepada kebebasan penganut dalam mengamalkan

---

<sup>18</sup> Mohamed Azam Mohamed Adil, Hak Tukar Agama Dalam Perlembagaan Malaysia: Konflik Antara Kebebasan Beragama dan Hukum Islam. *Jurnal Syariah*, 2003, hlm: 34-37.

<sup>19</sup> Helwa Mohammad Zainal & Jasri Jamal, *The Legal Position Of Apostasy and Spreading Of Non-Islamic Teachings In Malaysia: Analysis and Challenges*, 17 JUUM, 2013, hlm: 16-18.

dan mengembangkan agama masing-masing di Persekutuan serta turut perlu dijelaskan bahawa terdapat sekatan bagi penyebaran agama selain Islam di Persekutuan seperti yang diperuntukkan oleh Perkara 11 (4) Perlembagaan Persekutuan. Hal tersebut adalah selaras dengan keutamaan agama Islam dalam Persekutuan menurut Perkara 3 (1) dan seseorang penganut Islam adalah tetap tertakluk kepada undang-undang Islam sebagai undang-undang diri yang mengikat mereka melalui Senarai Negeri (Senarai II) Jadual Ke-9, Perlembagaan Persekutuan.

Murtad atau keluar daripada agama Islam sebenarnya adalah berbeza dengan konteks hak kebebasan beragama yang dijamin oleh Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan kerana Perkara 11 tersebut adalah lebih merujuk kepada kebebasan mempertahankan amalan dan cara hidup yang digariskan oleh agama masing-masing. Justeru, masalah ketidakfahaman masyarakat terutama kepada para pengamal undang-undang terhadap peruntukan Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan hendaklah dijelaskan agar tidak berlaku kekeliruan terhadap isu murtad berdasarkan peruntukan undang-undang di Malaysia.

### **JENAYAH MURTAD: BAGAIMANA MENANGANI PERMASALAHAN YANG TIMBUL**

Antara permasalahan yang timbul mengenai isu murtad di Malaysia ialah isu mengenai peruntukan undang-undang mengenai murtad yang tidak seragam di Malaysia. Undang-undang berkenaan dengan murtad di Malaysia adalah berbeza dan tidak seragam mengikut negeri masing-masing. Tidak terdapat undang-undang berkaitan murtad yang jelas di Mahkamah Syariah di negeri-negeri malah terdapat negeri yang tidak mempunyai peruntukan mengenai kesalahan murtad. Hal tersebut menyebabkan masalah murtad sukar dibendung di Malaysia.

Malah konflik murtad yang dimainkan oleh sesetengah pihak yang tidak bertanggungjawab dengan menimbulkan isu murtad sama ada ianya adalah kesalahan jenayah syariah atau hak kebebasan beragama sepatutnya tidak timbul kerana sememangnya perlembagaan Persekutuan mengiktiraf Mahkamah Syariah di Malaysia. Malah Mahkamah Syariah dan Sivil seharusnya memanfaatkan bidang kuasa masing-masing tanpa perlu “bersaing” sesama sendiri kerana keduanya mempunyai kuasa tersendiri yang diiktiraf menurut Perlembagaan<sup>20</sup>. Hal tersebut bertepatan dengan Perkara 121 (1A) Perlembagaan Persekutuan<sup>21</sup>:  
(1A) Mahkamah yang disebut dalam Fasal (1) tidaklah mempunyai bidang kuasa berkenaan apa-apa perkara dalam bidang kuasa Mahkamah.

Senario permohonan murtad yang sering berlaku di Malaysia ialah permohonan murtad dibawa ke Mahkamah Sivil dan kemudian para Hakim Mahkamah Sivil akan menghakimi kes tersebut melalui pentafsiran terhadap Perlembagaan Persekutuan. Kuasa mentafsirkan Perlembagaan Persekutuan sememangnya di

---

<sup>20</sup> Harian Metro, 24 Disember 2014, <http://www.hmetro.com.my/node/18698>

<sup>21</sup> Perkara 121 (1A) Perlembagaan Persekutuan

bawah bidang kuasa Mahkamah Sivil namun perlulah difahami bahawa pentafsiran yang dilakukan hendaklah mengikut acuan Perlembagaan Persekutuan Malaysia yang meletakkan agama Islam sebagai agama utama Persekutuan dan bukannya mengutamakan prinsip liberal iaitu hak asasi manusia serta kebebasan beragama atau menafsirkan berdasarkan undang-undang negara lain kerana acuan Perlembagaan Persekutuan adalah berbeza dengan perkara-perkara tersebut<sup>22</sup>. Justeru, sepatutnya tidak timbul konflik isu murtad antara kesalahan jenayah syariah atau hak kebebasan beragama di Malaysia.

Kekeliruan masyarakat terhadap isu murtad di samping ketidakseragaman undang-undang berkaitan murtad di Malaysia adalah faktor utama yang menyebabkan seolah-olah isu murtad di Malaysia tidak pernah ada noktahnya. Malah undang-undang yang longgar mengenai undang-undang berkaitan murtad di Malaysia turut menyebabkan jenayah murtad semakin bertambah parah di Malaysia. Malah kesalahan jenayah murtad di Malaysia sering menemui jalan buntu, tergantung dan seolah-olah tidak berjaya menyelesaikan kes murtad dengan berkesan. Oleh itu, perlunya menggubal penyeragaman undang-undang murtad bagi menangani kesalahan jenayah murtad di seluruh Malaysia.

## **CADANGAN MEKANISME LANGKAH-LANGKAH KE ARAH PENYERAGAMAN UNDANG-UNDANG MURTAD DI MALAYSIA**

Undang-undang murtad yang tidak selaras dan seragam di Malaysia lantaran pentadbiran yang berbeza mengikut negeri menyebabkan berlakunya keputusan penghakiman yang berbeza oleh mahkamah syariah antara satu negeri dengan negeri lain walaupun kes murtad yang dibicarakan itu mempunyai fakta yang serupa. Perbezaan keputusan penghakiman tersebut telah menimbulkan kekeliruan dan perasaan puas hati dalam kalangan umat Islam di Malaysia sendiri. Terdapat pelbagai usaha untuk menyeragamkan undang-undang berkaitan kesalahan murtad di Malaysia bagi mengelakkan hal tersebut berlaku termasuklah usaha yang dilakukan oleh pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, JAKIM yang berusaha keras memperjuangkan penyeragaman undang-undang syariah di Malaysia<sup>23</sup>. Sebelum mempertimbangkan cadangan penyeragaman undang-undang murtad di Malaysia sekali lagi kita perlu memahami kedudukan konsep ketertinggalan Perlembagaan Persekutuan dalam undang-undang di Malaysia terlebih dahulu bagi mengetahui punca kuasa berbuat demikian serta agar tidak bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan.

Malaysia adalah sebuah negara demokrasi yang mengamalkan konsep *separation of powers* atau doktrin pengasingan kuasa iaitu melibatkan eksekutif, legislatif dan judisiari. Badan legislatif (perundangan) adalah badan yang

---

<sup>22</sup> Ucapan Mantan Ketua Hakim Negara, Tun Abdul Hamid Mohamad ketika forum Seminar Undang-Undang Jenayah Islam Kebangsaan, (SUJIK) UKM pada 23 Disember 2014.

<sup>23</sup> Wan Mohamad Bin Sheikh Abdul Aziz, t.th, Pelan Penyelarasan Perundangan Islam di Malaysia: Peranan dan Cabaran JAKIM, JAKIM.

mengubal undang-undang di Malaysia iaitu memerlukan undian persetujuan sekurang-kurangnya dua pertiga Parlimen. Hal tersebut adalah satu-satu cara untuk mengubal penyeragaman undang-undang berkaitan murtad di Malaysia. Namun perlu juga diingati semula bahawa murtad adalah di bawah senarai bidang kuasa negeri berdasarkan Jadual Kesembilan Senarai II Perlembagaan Persekutuan. Berdasarkan Perlembagaan Persekutuan ia hanyalah hak negeri untuk membuat undang-undang berkaitan murtad. Justeru, timbul persoalan, adakah Persekutuan boleh membuat undang-undang untuk menyeragamkan undang-undang murtad di seluruh negeri dalam Malaysia?

Penyeragaman undang-undang murtad di seluruh negeri boleh dilaksanakan dengan kuasa yang diperuntukan kepada Parlimen dalam mengubal undang-undang dalam senarai negeri berdasarkan Perkara 76 (1) (b) Perlembagaan Persekutuan iaitu<sup>24</sup>:

(1) Parlimen boleh membuat undang-undang mengenai apa-apa perkara yang disebut satu persatu dalam senarai negeri tetapi hanya seperti yang berikut sahaja iaitu:

(b) bagi maksud menggalakkan keseragaman undang-undang antara dua negeri atau lebih

Walau bagaimanapun turut perlu diketahui bahawa penyeragaman terhadap undang-undang murtad di negeri-negeri Malaysia melalui Perkara 76 (1) (b) hanya boleh terlaksana sehinggalah undang-undang tersebut diterima pakai oleh badan perundangan negeri seperti yang diperuntukan dalam Perkara 76 (3) Perlembagaan Persekutuan iaitu<sup>25</sup>:

(3) Tertakluk kepada Fasal (4), sesuatu undang-undang yang dibuat menurut perenggan (b) atau perenggan (c) Fasal (1) tidak boleh berkuat kuasa di mana-mana Negeri sehingga undang-undang itu telah diterima pakai melalui suatu undang-undang yang dibuat oleh Badan Perundangan Negeri itu, dan selepas itu hendaklah disifatkan sebagai suatu undang-undang Negeri dan bukan suatu undang-undang persekutuan, dan boleh dipinda atau dimansuhkan sewajarnya melalui suatu undang-undang yang dibuat oleh Badan Perundangan itu.

Perkara 76 (3) menunjukkan kuasa Parlimen dalam membuat undang-undang bagi tujuan menyelaraskan dan menyeragamkan undang-undang murtad seperti yang diperuntukan pada Perkara 76 (1) tidak mampu mengikat negeri-negeri secara penuh.

---

<sup>24</sup> Perkara 76 (1) (b) Perlembagaan Persekutuan

<sup>25</sup> Perkara 76 (3) Perlembagaan Persekutuan

Perundangan mengenai murtad hanya boleh diselaraskan dan diseragamkan di negeri-negeri dengan persetujuan ketua agama Islam di negeri-negeri tersebut yang terdiri daripada D.Y.M.M Sultan-Sultan dan Raja-Raja. Maka rundingan dengan Majlis Raja-Raja diperlukan untuk mendapat perkenanan D.Y.M.M Sultan-Sultan dan Raja-Raja bagi tujuani nasihat kepada Majlis Raja-Raja, Kerajaan Negeri atau Majlis Ugama Islam Negeri atas apa-apa perkara berkenaan dengan perundangan atau pentadbiran ugama Islam dan pelajaran Ugama Islam dengan tujuan hendak memperbaiki, menyamakan atau menggalak persamaan undang-undang atau pentadbiran.

Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia, MKBHEUM<sup>26</sup> turut boleh memainkan peranan dalam menyelaraskan dan menyeragamkan undang-undang murtad untuk mengikat negeri-negeri sekiranya telah diperkenankan oleh Majlis Raja-Raja seperti yang disenaraikan di dalam peraturan ke-9 MKBHEUM iaitu:

- (9) Apabila sesuatu nasihat atau pengesyoran dikemukakan oleh Majlis Kepada Majlis Raja-Raja dan Majlis Raja-Raja memersetujui nasihat atau pengesyoran itu, maka pihak berkuasa Ugama Islam Negeri hendaklah melaksanakan nasihat atau pengesyoran itu, dan nasihat dan pengesyoran itu hendaklah jangan dipinda, diubah atau dihentikan dengan tidak mendapat terlebih dahulu persetujuan Majlis Raja-Raja.

Penyeragaman undang-undang murtad perlu dilakukan secara rundingan dalam mendapat perkenan D.Y.M.M. Sultan dan Raja-Raja bagi menjaga kedudukan D.Y.M.M. Sultan-Sultan dan Raja-Raja sebagai ketua agama Islam di negeri masing-masing.

Antara cadangan yang perlu dilakukan oleh Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia dalam proses untuk memastikan penyeragaman undang-undang murtad di Malaysia ialah:

- I. Menubuhkan jawatankuasa khas yang berfungsi untuk mengkaji teknikal undang-undang sivil dan syariah di Malaysia dan menyediakan undang-undang, peraturan-peraturan dan prosedur yang perlu ke arah penyeragaman undang-undang murtad di Malaysia.
- II. Mengasingkan pentadbiran Mahkamah Syariah daripada Jabatan Agama Islam Negeri dan meningkatkan taraf Hakim Mahkamah Syariah setaraf Hakim Mahkamah Sivil bagi menyeragamkan pentadbiran dan keputusan penghakiman kesalahan murtad.
- III. Menguatkuasakan pengasingan kuasa undang-undang sivil dan syariah melalui Perkara 121 (1A) Perlembagaan Persekutuan.

---

<sup>26</sup> Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia turut disingkatkan dengan MKI

## **KESIMPULAN**

Isu murtad sering menjadi perhatian oleh segenap lapis masyarakat di Malaysia. Isu tersebut sering dikaitkan dengan Hak Kebebasan Beragama yang diperuntukkan oleh Perlembagaan Persekutuan sebagai undang-undang tertinggi negara. Malah tidak terdapat peruntukan yang jelas mengenai undang-undang murtad di Malaysia. Peruntukan yang diberikan berkaitan kesalahan tersebut turut bersifat berbeza mengikut negeri-negeri di Malaysia. Justeru, terdapat keperluan untuk menyeragamkan undang-undang berkenaan murtad di Malaysia bagi membendung masalah murtad daripada berleluasa. Di harapkan penyeragaman undang-undang murtad di Malaysia dapat mengukuhkan lagi kedudukan Islam sebagai agama utama negara. Justeru, isu permasalahan murtad di Malaysia seharusnya ditangani seperti mana yang dicadangkan di dalam kertas ini. Sokongan dan usaha daripada semua pihak dalam menggembelng tenaga diperlukan dalam menjayakan penyeragaman undang-undang murtad di Malaysia.

## **BIODATA PENULIS**

***Mohd Sabree Nasri*** telah memperoleh Sarjana Muda Pengajian Islam (Syariah) dan Diploma Pentadbiran Kehakiman dan Guaman Islam (2014) dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Kini berkhidmat sebagai pensyarah di Akademi Pengajian Islam KUIM dalam bidang Syariah dan Undang-Undang.

***Mohd Sopiee Shiddeq*** telah memperoleh Sarjana Muda Pengajian Islam (Syariah) dan Diploma Pentadbiran Kehakiman dan Guaman Islam (2014) dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Kini berkhidmat sebagai Pembantu Penyelidik di Fakulti Undang-Undang di UKM.



## **RUJUKAN**

- Al-Quran al-Karim.  
Perlembagaan Persekutuan.  
Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri sembilan 2003.  
Tatacara Mal Mahkamah Syariah Negeri Selangor 2003.  
Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995 Negeri Sabah.  
Abdul Aziz Bari. 2002. *Hak Asasi Dalam Perlembagaan Malaysia: Ruang Lingkup Dan Masalahnya*. Jurnal Syariah 10:1.  
Abdul Monir Yaacob. 2009. *Perlaksanaan Perundangan Islam di Malaysia: Satu Penilaian*. Jurnal Fiqh No.6.  
Abdul Samat Musa. T.th. *Strategi dan Program JAKIM Ke Arah Memperkasa Penyelarasan dan Penguatkuasaan Undang-Undang Syariah Menjelang Tahun 2020*. JAKIM.  
Helwa Mohammad Zainal. Jasri Jamal. 2013. *Kedudukan Murtad dan Penyebaran Agama Bukan Islam Menurut Perspektif Undang-Undang di Malaysia: Satu Analisa Isu dan Cabaran*. Jurnal Undang-Undang dan Masyarakat 17.  
Mohd Aizam Mas'od. T.th. *Murtad Bukan Hak Asasi*. Cawangan Aqidah Bahagian Penyelidikan JAKIM.  
Mohamad Zamri Bin Mohamed Shapik. 2009. *Senario Murtad Di Malaysia*. Kertas Ucapan Seminar Krisis Murtad 30 Mei 2009. Shah Alam: Selangor.  
Mohamed Azam Mohamed Adil. 2003. *Hak Tukar Agama Dalam Perlembagaan Malaysia: Konflik Antara Kebebasan Beragama dan Hukum Islam*. Jurnal Syariah 11:1.  
Mohamed Azam Mohamed Adil. 2005. *Kebebasan Beragama dan Hukuman ke Atas Orang Murtad di Malaysia*. Akademi Pengajian Islam: Universiti Malaya.  
Tun Abdul Hamid Mohamad, mantan Ketua Hakim Negara dalam ucapannya ketika forum Seminar Undang-Undang Jenayah Islam Kebangsaan, (SUJIK) UKM pada 23 Disember 2014.  
Wan Mohammad Bin Sheikh Abdul Aziz. T.th. *Pelan Penyelarasan Perundangan Islam di Malaysia: Peranan Dan Cabaran Jakim*. JAKIM.  
Zulkifli Hasan. T.th. *Isu Undang-Undang Jenayah Islam di Malaysia Dan Sejauh Manakah Perlaksanaannya*. Universiti Sains Islam Malaysia.  
Zulkifli Hasan. Norfadhilah Mohd Ali. 2007. *Kedudukan Murtad Menurut Perspektif Undang-Undang di Malaysia*. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.  
Harian Metro, 24 Disember 2014, <http://www.hmetro.com.my/node/18698>